



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 8 April 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kerajaan teliti perluas guna MyKad beli diesel

Langkah sebagai usaha perkemas penyampaian subsidi, kurangkan ketirisan

Oleh Kamarulzaidi Kamis dan Mahanum Abdul Aziz
bhbiz@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan meneliti kemungkinan memperluaskan mekanisme penggunaan MyKad dalam sistem subsidi bersasar kepada diesel, susulan kejayaan pelaksanaan program BUDI95 bagi petrol RON95.

Langkah itu dilihat sebagai usaha memperkemas penyampaian subsidi serta mengurang-

kan ketirisan, namun memerlukan penelitian rapi dari segi logistik, penggunaan dan kesesuaian sistem di seluruh negara.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata penggunaan MyKad di bawah BUDI95 dilihat lebih kemas dan risiko ketirisan dapat dikurangkan, manakala matlamat penjimatan dicapai tanpa mengubah corak pembelian rakyat secara drastik.

Beliau berkata, kejayaan penyaluran Sumbangan Asas Rahmah (SARA) di kawasan bandar mahupun pedalaman memberi indikasi positif pengagihan diesel berasaskan MyKad tidak mustahil dilaksanakan.

Justeru, katanya, kerajaan menilai kebolehlaksanaannya, namun menekankan peralihan kepada pendekatan itu menuntut kajian terperinci meman-

dangkan corak penggunaan diesel berbeza mengikut kawasan, khususnya di Sabah dan Sarawak.

Penggunaan meluas

Di Sabah dan Sarawak, katanya, diesel digunakan secara meluas bukan saja untuk kenderaan, malah bagi penajaan elektrik di kawasan pedalaman dan rumah panjang.

"Ada juga kawasan yang tidak mempunyai akses kepada stesen minyak konvensional, sebaliknya menggunakan kaedah pengagihan alternatif.

"Kalau kita nak buat (penggunaan MyKad) ke atas diesel, kita kena memastikan bekalan tidak terganggu. Kita kena ambil masa untuk memastikan tidak ada apa-apa yang kita tidak faham yang mungkin menjadi halangan.

"Itu salah satu aspek yang

Kementerian Kewangan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) lihat sekarang," katanya kepada *BH* dalam wawancara eksklusif, di sini.

Beliau mengulas kemungkinan kerajaan memperluaskan penggunaan MyKad bagi agihan subsidi bersasar untuk diesel di seluruh negara.

Pendekatan subsidi bersasar yang dilaksanakan sebelum ini dimulakan dengan diesel pada Jun 2024 sebelum diperluaskan kepada RON95 menerusi inisiatif BUDI95 pada Oktober 2025.

Pelaksanaan bagi RON95 mengambil masa panjang berikutan skala pengguna yang jauh lebih besar, membabitkan hampir 17 juta rakyat.

Amir Hamzah berkata, setiap inisiatif yang dilaksana-

kan memberi ruang kepada kerajaan untuk belajar dan menambah baik pendekatan.

Katanya, sistem bagi RON95 lebih lengkap memandangkan jumlah pengguna yang tinggi memerlukan mekanisme tersusun dan mantap.

Walaupun pada peringkat awal pelaksanaan BUDI95 menerima pelbagai reaksi, termasuk kebimbangan orang ramai mengenai kesesakan di stesen minyak, beliau berkata, sistem itu kini semakin stabil dan diterima baik.

"Keutamaan kita adalah memastikan rakyat tidak terbeban, urusan pembelian berjalan lancar dan dalam masa sama objektif penjimatan serta pengurangan ketirisan tercapai," katanya.



Bekalan minyak negara terjamin – PM

- **Malaysia dijangka tidak berdepan krisis dalam masa terdekat**
- **Petronas ada hubungan baik dengan negara pengeluar minyak**

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Malaysia dijangka tidak berdepan krisis bekalan minyak dalam tempoh beberapa bulan akan datang walaupun terdapat kemungkinan kenaikan harga bahan api susulan ketidakpastian global.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, jaminan bekalan itu antara lain disokong rekod cemerlang Petronas sebagai pengimport bersih serta hubungan baik syarikat berkenaan dengan negara pengeluar minyak.

"Kita juga adalah pengimport bersih kerana produk kita merupakan jenama premium yang harganya sedikit lebih tinggi, namun kita masih mengimport



ANWAR ketika menyampaikan ucapan pada Dialog Kuala Lumpur-Ankara di ibu negara semalam.

"Pujiannya harus diberikan kepada Petronas kerana mereka mempunyai rekod prestasi yang cemerlang serta hubungan

baik dengan negara pengeluar minyak," katanya pada Dialog Kuala Lumpur-Ankara di sini semalam.

Menurutnya, Malaysia perlu mempercepatkan peralihan ke arah strategi tenaga jangka panjang yang lebih mampan, pelba-

gai dan kos efektif.

Katanya, perubahan ketara dalam strategi tenaga bukan sahaja satu keperluan dari sudut alam sekitar, malah menjadi tuntutan mendesak susulan gangguan bekalan tenaga global ketika ini.

"Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengurus pendudukan terhadap ketidakpastian dengan mengimbangi keperluan memastikan bekalan mencukupi serta mengurangkan tekanan kos sara hidup rakyat," ujarnya.

Katanya, gangguan tenaga global dijangka memberi kesan kepada harga tenaga, sekali gus memberi impak kepada sistem pengeluaran, rantalan bekalan dan kos sara hidup harian di negara maju serta membangun.

"Gangguan terhadap tenaga dan infrastruktur kini memberi implikasi kemanusiaan serta kesan sosioekonomi yang lebih luas, yang berpotensi menggugat kestabilan sedia ada," katanya.

Menurutnya, walaupun Malaysia tidak terkecuali daripada kesan gangguan bekalan tenaga global, kerajaan kekal komited untuk melindungi kesejahteraan rakyat.



JENAZAH Azman selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Kampung Kuin, pagi semalam.

PENGARAH KPDN KELANTAN MENINGGAL DUNIA

'Pergi' selepas 8 hari ditidurkan

Bachok: "Kami memang mengharapkan abah akan sedar semula selepas lapan hari ditidurkan, tapi tak sangka dia akan tutup mata buat selama-lamanya," kata Nur Arisha Abi Azman, 29.

Nur Arisha adalah anak kepada Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan, Azman Ismail yang meninggal dunia, semalam.

Azman yang menghidap kanser usus menghembuskan nafas terakhir di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu pada jam 2.40 pagi dan jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Kuin Pasir, Jelawat, di sini pada jam 9.45 pagi.

Anak sulung daripada lima beradik itu berkata, bapanya ditidurkan sejak lapan hari lalu selepas menjalani pembedahan membuang darah beku di paru-paru di Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM), Kubang Kerian.

"Keputusan untuk jalani pembedahan dan ditidurkan itu pun dipersetujui abah sendiri, malah sebelum ini pun dia sering beritahu selagi boleh ikhtiar untuk rawat penyakitnya... ikhtiarlah.

"Semua pihak sudah buat yang terbaik. Allah lebih sayangkan abah, kami semua reda dan berlapang dada dengan pemergiannya," katanya ketika ditemui.

Bercerita lanjut, Nur Arisha berkata, mereka sekeluarga sempat menyambut Aidilfitri bersama selepas arwah bapanya keluar dari hospital dua hari sebelum itu.

"Kami saling bermaafan



AZMAN

dan (ketika itu) abah kelihatan gembira, namun dia terpaksa dimasukkan semula ke hospital pada 29 Mac untuk pembedahan membuang darah beku itu," katanya.

Menurutnya, Azman didiagnos kanser tahap tiga, hujung tahun lalu dan keadaannya semakin serius Januari lalu apabila disahkan kanser tahap empat serta sempat menjalani kemoterapi sebanyak dua kali.

Terdahulu, majlis pengebumian arwah turut dihadiri Timbalan Pengarah KPDN Kelantan Aswadi Jaafar; Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Mohd Misuari Abdullah dan Timbalan Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kelantan, Nik Akhtarulhaq Nik Abdul Rahman.

Sementara itu, Aswadi berkata, pemergian Allahyarham sangat memberi kesan kepada warga KPDN Kelantan, apatah lagi Azman menggalas tanggungjawab sebagai pengarah sejak 2023 dikenali sebagai ketua sangat baik.

"Arwah kuat bekerja. Dalam keadaan sakit sekalipun beliau sentiasa memikirkan soal kerja dan sering menasihati kami agar menjalankan amanah dengan baik," katanya.

KONFLIK ASIA BARAT

Bekalan minyak Malaysia **terjamin**

Oleh Zanariah
Abd Mutalib
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia dijangka tidak mengalami krisis bekalan minyak dalam tempoh beberapa bulan akan datang, walaupun kemungkinan berdepan kenaikan harga bahan api itu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, ia antara lain disumbang oleh rekod cemerlang PETRONAS sebagai pengimport bersih minyak dan hubungan baik syarikat negara itu dengan negara pengeluar minyak.

"Kita juga pengimport bersih kerana produk kita adalah jenama premium yang harganya sedikit lebih tinggi, namun kita masih mengimport."

"Puji harus diberikan



kepada PETRONAS kerana mereka mempunyai rekod prestasi yang cemerlang serta hubungan yang baik dengan negara pengeluar minyak.

"Justeru, kita tidak menghadapi krisis daripada segi bekalan. Mungkin terdapat sedikit gangguan harga, tetapi bagi beberapa bulan akan datang,



Pujian harus diberikan kepada PETRONAS kerana ada hubungan baik dengan negara pengeluar minyak"

Anwar

bekalan adalah agak terjamin," katanya.

Bellau berkata demikian ketika

sesi perbincangan bersama Perdana Menteri pada Dialog Kuala Lumpur-Ankara 2026 di sini, semalam.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut memberi jaminan bahawa Malaysia tidak akan berdepan masalah bekalan gas asli

cecair (LNG) disebabkan pengeluaran besar bahan api itu oleh negara, selain import dari Australia yang sudah lama terjalin dan kejayaan perolehan di Kanada.

Berkuat kuasa 1 April lalu, kerajaan menyelaraskan sementara kelayakan penggunaan BUD195 daripada 300 liter kepada 200 liter sebulan berkuat dalam usaha memastikan subsidi bahan api terus dinikmati majoriti rakyat.

Langkah itu diambil sebagai pendekatan bersasar susulan ketidaktentuan pasaran minyak global dan kesan konflik di Asia Barat terhadap bekalan serta ekonomi dunia.

Penyelarasan berkenaan tidak menjejaskan sebahagian besar pengguna memandangkan data menunjukkan majoriti rakyat menggunakan kurang daripada 200 liter sebulan.



SEEKOR burung terbang berhampiran kapal Jag Vasant yang memindahkan gas petroleum cecair (LPG) di sebuah pelabuhan di Mumbai, India selepas melalui Selat Hormuz.

EFFECTS OF ENERGY CRISIS

Akmal: Govt monitoring prices to protect consumers

KUALA LUMPUR: The government monitors prices across the country daily and weekly to shield consumers from the cascading effects of the global energy crisis caused by the conflict in the Middle East.

Economy Minister Akmal Nasrullah Mohd Nasir said while energy supplies were guaranteed to remain stable throughout April and May, the “biggest challenge is how to guarantee energy supply requirements from June onwards”.

“Through the National Economic Action Council, various mitigation measures have been scrutinised and coordinated, including daily and weekly price monitoring, organising affordable sales, as well as preventing smuggling at the border,” he said in a briefing on the global energy crisis.

He said the ongoing crisis was now affecting the broader supply chain of goods, as nearly all production and distribution sectors were heavily dependent on energy inputs.

Akmal said Putrajaya would take a whole-of-government approach to ensure no leakages in the nation’s resources via coordinated effort by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry, police and Malaysian Maritime Enforcement Agency.

“All these steps are being taken to ensure that the country’s supply of basic necessities remains stable and the welfare of the people continues to be protected.” **By Zaf Seraj**

Strong enforcement needed to prevent fuel subsidy misuse

KUCHING: Effective enforcement by relevant agencies is essential to prevent misuse of government fuel subsidies and curb supply leakages, said Sarawak Minister of Tourism, Creative



Industry and Performing Arts Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah (pic).

He said the establishment of the integrated Ops Tiris 4.0 special task force for Sabah, Sarawak and Labuan, as announced by the Federal government, would strengthen the implementation of price controls and subsidies.

He said fuel price increases could have a chain effect on energy costs and lead to higher prices of other goods.

"When fuel prices rise, it affects energy costs and leads to increases in other goods. This is where the government must carry out proper monitoring through enforcement units.

"It is good that the Federal government has introduced such guidelines, but enforcement is more important. You can have initiatives such as subsidies, but without monitoring, they will not be implemented effectively," he told reporters after attending an event here Tuesday.

He said the move to strengthen enforcement to curb fuel leakages in Sabah, Sarawak and Labuan is important to ensure subsidies truly benefit the people.

He added that price differences between Malaysia and other countries could encourage fuel smuggling if border controls are weak.

"If fuel is cheaper here, there will be a tendency to smuggle it elsewhere. Without proper monitoring, supply could decline and undermine the purpose of subsidies," he said.

On Monday, Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof said the government had agreed to set up the special task force to enhance regulation of ship-to-ship fuel transfers, or bunkering.

He said the task force would be co-chaired by the Federal Secretary and State Secretary, with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) at the state level acting as the secretariat. - Bernama



An empty rice shelf at a supermarket in Kunak.

Kunak shops, supermarkets run out of rice supply

Ibrahim Tabir

KUNAK: Almost all shops and supermarkets here ran out of both local white rice and imported white rice three days ago following panic buying by consumers.

A Daily Express survey found only higher-priced fragrant rice was available for sale.

President of the Consumer Front of Sabah (CFOS), Nordin Thani, urged the relevant authorities to conduct immediate monitoring, including a comprehensive audit of the rice supply chain to consumers.

"A thorough audit must be conducted, including sales transactions to consumers, to ensure that the rice supply said to be sufficient can be accessed by all consumers.

"I urge the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) and all related agencies to take this matter seriously," he told Daily Express, here, Tuesday.

Nordin said action must be taken to ensure compliance with regulations, while adding that purchase limits per consumer could be implemented, if necessary.

He noted that panic buying was among the causes of rice shortages in certain areas, including Kunak, Lahad Datu and Tawau.

He said the audit results are crucial to enable authorities to identify any non-compliance, including possible hoarding activities.

According to Nordin, checking records such as invoices and company sales is necessary to detect any stockpiling activities.

"Consumers should also avoid panic buying," he said.

Meanwhile, a rice supplier representative said the company assured that rice supplies will be delivered to Kunak by Wednesday at the latest to meet consumer demand, especially for local and imported white rice.

"The attitude of consumers engaging in panic buying is the reason rice supplies are depleted in the market," he said.

400 liter diesel dirampas di Kudat disyaki cuba diseleweng

KUDAT: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Kudat merampas 400 liter minyak diesel disyaki cuba diseleweng dalam serbuan di sebuah stor di Jalan Airport, di sini menerusi Ops Tiris 4.0 pada Selasa.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDN Cawangan Kudat Nazatul Shima Karim berkata bahan api berkenaan disimpan dalam dua tong drum untuk kegunaan persendirian secara tidak sah.

“Seorang lelaki tempatan berumur 31 tahun dipercayai sebagai pemilik stor ditahan untuk tindakan lanjut mengikut Peraturan 3(1), Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 iaitu kesalahan berurusan dengan barang kawalan tanpa lesen atau kebenaran yang sah,” katanya dalam kenyataan pada Selasa.



RUANG jualan beras kelihatan kosong di sebuah pasaraya di Kunak.

Kedai, pasaraya di Kunak kehabisan bekalan beras

Ibrahim Tabir

KUNAK: Hampir keseluruhan kedai dan pasaraya di sini kehabisan beras putih tempatan dan import tiga hari lepas berikutan pembelian panik oleh pengguna.

Tinjauan Harian Ekspres mendapati hanya beras wangi dengan harga lebih tinggi masih berada di ruang jualan.

Presiden Barisan Pengguna Sabah (CFOS) Nordin Thani menggesa pihak berkaitan agar melakukan pemantauan segera termasuk pelaksanaan audit yang menyeluruh terhadap rantai penjualan beras kepada pengguna.

"Audit menyeluruh perlu dijalankan termasuk transaksi jualan kepada pengguna bagi memastikan bekalan beras yang dikatakan mencukupi dapat diperolehi oleh semua pengguna.

"Saya menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan semua agensi berkaitan untuk melihat perkara ini dengan lebih serius," katanya kepada Harian Ekspres pada Selasa.

Nordin berkata tindakan perlu dijalankan untuk memastikan peraturan

dipatuhi, sambil menambah, jika perlu penghadan pembelian untuk setiap pengguna mungkin boleh dilaksanakan.

Menurutnya, pembelian panik antara punca berlaku kehabisan beras di pasaran bagi sesetengah tempat termasuk di Kunak, Lahad Datu dan Tawau.

Beliau berkata hasil audit penting untuk membolehkan pihak berkuasa mengenalpasti mana-mana ketidakpatuhan termasuk kegiatan menyorok bekalan.

Menurut Nordin, pemeriksaan rekod seperti invois dan jualan syarikat perlu untuk mengesan sebarang aktiviti menyorok bekalan. Pengguna juga perlu diberi nasihat agar tidak melakukan pembelian panik," katanya.

Sementara itu, seorang wakil pembekal beras berkata syarikatnya memberi jaminan bekalan beras akan dihantar ke Kunak selewatnya pada Rabu untuk memenuhi permintaan pengguna terutama beras putih tempatan dan import.

"Sikap pengguna yang melakukan pembelian panik punca bekalan beras habis di pasaran," katanya.

Langkah sistematik kekang penyeludupan

Oleh Marinda Mardani

KUCHING: Langkah kerajaan pusat mewujudkan Pasukan Khas Ops Tiris 4.0 Bersepadu merupakan tindakan tepat dalam memperkukuh penguatkuasaan dan mengekang kegiatan penyeludupan, terutama melibatkan bahan api bersubsidi.

Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Dato Sri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata, inisiatif yang akan dilaksanakan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan itu mencerminkan pendekatan proaktif kerajaan bagi memastikan pemantauan barangan lebih teratur serta mengelakkan ketirisan dalam pengagihan subsidi.

"Pada masa ini, kita menghadapi tekanan daripada kenaikan harga, terutama bahan api.

"Apabila harga minyak meningkat, ia memberi kesan limpahan kepada barangan lain. Di sinilah penguatkuasaan menjadi sangat penting," katanya ketika diminta mengulas mengenai pelaksanaan pasukan khas itu selepas merasmikan sidang media Konsert Tribute Peringatan Teresa Teng Ke-31 di sini, semalam.

Apatah lagi kata Abdul Karim, pasukan khas itu akan melibatkan penguatkuasaan bersepadu oleh pelbagai agensi termasuk polis, tentera dan pihak berkuasa berkaitan.

"Ini bagi memastikan kawalan harga dipatuhi dan tiada pihak mengambil kesempatan untuk meraih keuntungan berlebihan," jelasnya.

Menurutnya, kelemahan dalam penguatkuasaan boleh menjejaskan usaha kerajaan, walaupun pelbagai



REAKSI: Abdul Karim bercakap pada sidang media Konsert Tribute Peringatan Teresa Teng Ke-31 semalam. — Gambar: Remya Dinegara

● Langkah mewujudkan Pasukan Khas Ops Tiris 4.0 Bersepadu tindakan tepat perkukuh penguatkuasaan, kekang penyeludupan bahan api bersubsidi.

subsidi dan mekanisme kawalan harga telah diperkenalkan.

"Anda boleh mempunyai semua subsidi yang baik, tetapi jika penguatkuasaan tidak dijalankan dengan betul, ia boleh menggagalkan tujuan sebenar," tegas beliau.

Abdul Karim turut mengakui bahawa penyeludupan, khususnya diesel masih berlaku secara terbuka

di beberapa kawasan di Sarawak disebabkan harga bahan api di negeri ini lebih rendah berbanding kawasan lain.

"Apabila harga minyak dan barang lebih murah di sini, penyeludupan akan berlaku, terutama di kawasan sempadan.

"Jika agensi penguatkuasaan tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik, ia boleh menyebabkan

kekurangan bekalan tempatan dan menjejaskan hasrat kerajaan untuk membantu rakyat melalui subsidi," jelas beliau.

Justeru, beliau menekankan bahawa penguatkuasaan perlu dijalankan secara konsisten, bukan sahaja ketika berdepan krisis tetapi juga pada masa aman.

Utusan Melayu

Langkah sistematik kekang penyeludupan

► Dari Muka 1

"Perkara (aktiviti penyeludupan) ini telah berlaku sejak sebelum kenaikan harga minyak lagi. Jadi, adalah penting bagi agensi berkaitan menjalankan tugas mereka pada setiap masa," katanya.

Ditanya mengenai pelaksanaan pasukan khas di peringkat negeri, Abdul Karim berkata beliau baru sahaja menerima makluman dan belum dimaklumkan secara terperinci mengenai agensi atau kementerian yang terlibat.

"Namun, dengan adanya susulan kerajaan pusat untuk melakukan pemantauan dan memastikan subsidi serta kawalan dijalankan dengan penguatkuasaan, langkah ini jelas menunjukkan kita bersikap proaktif dalam mengawal subsidi agar harga tidak

melambung naik," tambah beliau.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Amar Fadillah Yusof berkata, kerajaan bersetuju mewujudkan pasukan khas Ops Tiris 4.0 Bersepadu di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan bagi memperkukuh penguatkuasaan ketirisan dan penyeludupan barang kawalan.

Katanya, pasukan khas itu akan dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Persekutuan dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi memastikan penyaliran lebih berkesan di peringkat negeri.

Menurut beliau, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak akan bertindak sebagai sekretariat kepada kedua-dua pasukan khas berkenaan.



内贸部重申必需品供应充足 促民勿听信谣言抢粮囤粮

（莎阿南 7 日讯）国内贸易及生活成本部（KPDN）强调，尽管全球面对能源危机，但我国的基本生活必需品供应仍然充足。

该部通过官方脸书图文并茂，强调已全面展开监督与执法行动，确保受管制物品，如食油、面粉、白糖及燃料供应不受影响。

贴文表示，上述措施也将确保其他基本物资，在市场上的供应和价格充足和稳定。

同时，该部也提醒消费者切勿轻信谣言，并从可靠渠道获取信息。

同时，公众也受促按需购买日常用品，避免疯狂抢购或囤粮，避免影响供应稳定。

“此外，若民众发现任何商家囤货或擅自涨价，应向内贸部举报，以便采取后续行动。”

该部也提醒商家切勿趁机牟利，定期送检称重和计量工具。





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

5,000 pemilik bas persiaran rayu diesel RM2.15 seliter



Antara pengusaha dan pemandu bas serta van persiaran pada sidang media di Taman Seri Gombak, semalam.
(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Lonjakan harga bahan api punca kos operasi naik sehingga 40 peratus

Oleh Latifah Ariffin, Mahani Ishak dan Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Gombak: Seramai 5,000 pengusaha bas dan van persiaran seluruh Semenanjung berada dalam keadaan 'nazak' merayu kerajaan memberikan subsidi diesel pada kadar RM2.15 seliter bagi meneruskan kelangsungan operasi.

Pengerusi Persatuan Bas Bumiputera Malaysia (PPBBM), Mahazir Mat Din, berkata lonjakan harga diesel tanpa subsidi yang mencecah RM6 seliter kini ini mengakibatkan kos operasi meningkat sehingga 40 peratus dan menekan industri pengangkutan pelancongan.

Katanya, situasi itu mengakibatkan ramai pelanggan mem-

batalkan tempahan, seterusnya menjejaskan pendapatan pemandu dan kakitangan syarikat bas dan van persiaran.

"Berdasarkan rekod, sebanyak 5,649 kenderaan bas dan van persiaran berdaftar di Semenanjung selain kira-kira 9,498 pemandu pelancong berlesen yang bergantung kepada industri itu.

"Apabila harga diesel terus meningkat, ia bukan sahaja memberi kesan kepada pengusaha, malah turut menyebabkan kehilangan pekerjaan dalam kalangan pemandu serta pemandu pelancong.

"Sehubungan itu, kami memohon kerajaan mempertimbangkan subsidi diesel sekurang-kurangnya 6,000 liter bagi bas dan 4,000 liter bagi van pada kadar RM2.15 seliter, sama seperti dinikmati bas ekspres," katanya pada sidang media di Taman Seri Gombak, di sini, semalam.

Lebih 50 wakil dan pengusaha hadir yang terdiri daripada kepimpinan PPBBM, Persatuan Pertubuhan Gemilang Agensi Pelancongan Kedua, GAPP dan dan Persatuan Van Persiaran Malaysia (PVPMP).

Sementara itu, Presiden GAPP, Datuk Abdul Aziz Ismail Gani,

berkata pengusaha kini berada dalam keadaan terhimpit dan amat memerlukan bantuan segera bagi meneruskan kelangsungan industri.

"Sejak pandemik COVID-19 pada 2020, industri pelancongan terjejas teruk dan sehingga kini kurang daripada 50 peratus syarikat bas dan van pelancongan masih mampu bertahan.

"Beban kewangan pengusaha meningkat apabila harga sebuah bas melonjak daripada sekitar RM460,000 pada 2019 kepada sekurang-kurangnya RM760,000 ketika ini.

"Setiap bulan kami perlu membayar ansuran antara RM10,000 hingga RM16,000 bagi sebuah bas. Jika kenderaan tidak bergerak dalam tempoh dua bulan sahaja ia boleh ditarik bank.

"Kami bukan menyalahkan mana-mana pihak, tetapi mohon kerajaan melihat peranan kami sebagai penggerak utama ekonomi pelancongan yang sebelum ini menjadi penyumbang kedua terbesar negara," katanya.

Setiausaha PPBBM, Mahadi Izady Maharazi, berkata ketika ini bas persiaran tidak menerima sebarang subsidi diesel walaupun sebahagian besar per-

khidmatan mereka digunakan oleh rakyat tempatan.

"Ramai tidak tahu bas persiaran tidak menerima subsidi diesel. Hakikatnya, 80 hingga 85 peratus pelanggan kami adalah rakyat tempatan termasuk rombongan sekolah, agensi kerajaan dan keluarga," katanya.

Bimbang gulung tikar

Beliau berkata, situasi itu turut memberi kesan rantaian kepada ekonomi tempatan termasuk hotel, restoran kecil, lokasi pelancongan dan pemandu pelancong.

"Jika keadaan ini berterusan, kami bimbang baki 50 peratus pengusaha masih bertahan selepas pandemik COVID-19 juga akan gulung tikar dalam tempoh terdekat.

"Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan industri, malah boleh menggagalkan usaha kerajaan untuk menjayakan kempen Tahun Melawat Malaysia 2026," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Koperasi Persatuan Pengusaha Stesen Minyak Bumiputera Malaysia Berhad, Prof Dr Wan Mohhtar Wan Yusof, berkata syarikat pembekal petrol dan diesel perlu memberikan tempoh 10 hingga 15

hari bagi pengusaha stesen minyak membuat bayaran pembelian diesel, mengambil kira beban kewangan dihadapi, susulan kenaikan mendadak bahan api terbahit.

Katanya, dalam keadaan mencabar ketika ini, syarikat pembekal sepatutnya tidak menghapirkan kerajaan untuk membantu, sebaliknya tampil dengan inisiatif sendiri bagi memastikan kelangsungan ekosistem pengedaran minyak tidak terjejas.

Beliau berkata, ini mengambil kira, pengusaha stesen minyak ialah rakan kongsi dan barisan hadapan yang terbahit secara langsung bagi pengedaran bahan api berkenaan secara terus kepada pengguna.

"Harga diesel naik melambung, pengusaha stesen minyak pula yang kena tanggung (beban kewangan tinggi) dan syarikat pembekal minyak hanya berdimam diri. Ini tak berapa kena.

"Apatah lagi dalam keadaan syarikat cari gali buat keuntungan. Jadi, perlu mereka menyalurkan bantuan kepada dealer seperti kami. Sekurang-kurangnya beri 10 - 15 hari untuk kami bayar apabila membeli diesel," katanya kepada BH.

Pengusaha, pemandu bas terjejas teruk, rayu subsidi diesel



MAHAZIR (tengah) bersama pengusaha dan pemandu bas yang merayu subsidi diesel untuk bas persiaran di Gombak semalam.

GOMBAK – Kenaikan harga diesel memberi tamparan hebat kepada pengusaha dan pemandu bas persiaran apabila ada dalam kalangan mereka mendakwa pendapatan bulanan kini merosot teruk sehingga sukar menampung keperluan keluarga.

Justeru, mereka merayu agar kerajaan mempertimbangkan pemberian subsidi bersasar kepada industri itu.

Seorang pemandu bas, Norhaimi Amarudin, 51, berkata, sebelum ini pemandu seperti ini mampu meraih pendapatan sekitar RM4,000 jika bekerja di antara 20 hingga 23 hari sebulan.

Bagaimanapun, katanya, keadaan kini berubah apabila

banyak tempahan perjalanan dibatalkan susulan kenaikan kadar sewa bas yang berpunca daripada peningkatan kos diesel.

"Dahulu boleh dapat RM3,000 sampai RM4,000. Sekarang nak dapat RM1,000 pun kadang-kadang susah. Saya ada enam anak, ada yang masih bersekolah.

"Apabila syarikat tak dapat 'trip', macam mana saya nak tanggung semua perbelanjaan rumah. Isteri pula suri rumah," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Pengerusi Persatuan Bas Bumiputera Malaysia, Mahazir Mat Din pula berkata, untuk rekod tahun lalu, sebanyak 15 peratus pelanggan bas persiaran ter-

golong daripada pelancong asing, manakala bakinya 85 peratus adalah rakyat tempatan terdiri daripada sekolah, institut pengajian tinggi dan jabatan kerajaan.

"Bila ada sekolah atau jabatan dah tempah awal sebelum kenaikan diesel, kita tak boleh ubah LO (Pesanan Tempahan) sebab harga dah kekal. Jadi bas terpaksa jalan, dan akhirnya rugi sebab tak dapat tanggung kerugian," katanya.

Justeru, beliau merayu agar memberikan subsidi di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) sebanyak 6,000 liter untuk bas persiaran, manakala 4,000 liter lagi bagi van persiaran pada harga RM2.15 seliter.

RISIKO GANGGUAN BEKALAN MAKANAN NEGARA***Akibat pembelian panik, manipulasi orang tengah***

Kuala Lumpur: Risiko gangguan bekalan makanan negara ketika ini bukan berpunca daripada kekurangan stok, sebaliknya akibat psikologi pengguna iaitu pembelian panik pengguna dan manipulasi orang tengah.

Pensyarah Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Dr Mohd Aiman Hamdan berkata, keterjaminan bekalan makanan negara masih berada pada tahap selamat buat masa ini.

Menurutnya, penimbun stok (buffer stock) negara bagi barangan ruji seperti beras, gandum, daging sejuk beku dan gula dianggarkan mampu bertahan antara tiga hingga enam bulan tanpa gangguan.

Katanya, perkara itu kerana stok di dalam gudang ketika ini sudah di kunci pada harga kontrak lama sebelum ketegangan geopolitik memuncak.

"Sekiranya masyarakat mengesan sebarang salah laku seperti kegiatan menyorok bekalan, manipulasi harga oleh orang tengah, ia perlu dilaporkan segera kepada pihak berwajib seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Budaya sekadar menu larkan isu di media sosial tanpa aduan rasmi perlu dihentikan. Perkara itu tidak akan menyelesaikan masalah sebaliknya akan mencetuskan rantaian panik awam dan memburukkan lagi gangguan rantaian bekalan tempatan," katanya kepada Harian Metro.

Dalam masa sama, beliau menjelaskan, secara asasnya, kerajaan tidak mampu menjamin kestabilan harga untuk tempoh jangka panjang, khususnya dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Tambah beliau lagi, apabila stok semasa perlu diganti dengan bekalan baharu pada harga lebih tinggi, negara berdepan risiko berlakunya inflasi diimport yang sukar di kawal.

"Risiko terbesarnya adalah lonjakan kos ran-

taian bekalan, yang mana ia bukan sekadar isu kenaikan harga minyak semata-mata, malah mungkin lebih parah daripada itu.

"Namun, terdapat salah faham umum bahawa peperangan akan menyebabkan harga minyak mentah melonjak secara melampau.

"Hakikatnya, harga rujukan minyak dunia mungkin kekal stabil, namun tekanan sebenar datang daripada kos rantaian bekalan yang meningkat, antara faktornya adalah kos logistik dan pengangkutan yang lebih tinggi apabila laluan dagangan terpaksa diubah bagi mengelak zon konflik," katanya.

Kata beliau, situasi itu turut didorong peningkatan mendadak premium insurans maritim, selain kelewatan bekalan bahan mentah serta kos pemuliharaan fasiliti terjejas yang menjejaskan kecekapan operasi industri, sekali gus menambah beban kos import.

Mohd Aiman berkata, kenaikan pelbagai komponen kos import ini di ramalkan mampu menolak kadar inflasi makanan domestik meningkat lebih tinggi pada suku akan datang.

"Akhirnya wujud dilema, adakah pengguna terpaksa membeli pada harga mahal atau kerajaan terpaksa melebarkan defisit fiskal untuk menanggung subsidi yang membengkak?" katanya.

"Akhirnya wujud dilema, adakah pengguna terpaksa membeli pada harga mahal atau kerajaan terpaksa melebarkan defisit fiskal menanggung subsidi yang membengkak?"

Dr Mohd Aiman



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 8 APRIL 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
8-Apr	TPM jangka tekanan harga barang dalam tempoh 2 bulan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/04/06/tpm-jangka-tekanan-harga-barang-dalam-tempoh-2-bulan	FREE MALAYSIA TODAY
8-Apr	Diesel smuggling risk rises	https://www.dailyexpress.com.my/news/278967/diesel-	DAILY EXPRESS
8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan meninggal dunia	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/04/1530285/pengarah-kpdn-kelantan-	BERITA HARIAN
8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail meninggal dunia	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1342545/pengarah-kpdn-kelantan-azman-ismail-meninggal-	HARIAN METRO
8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan meninggal dunia	https://www.buletintv3.my/nasional/pengarah-kpdn-kelantan-meninggal-dunia/	TV3
8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan meninggal dunia akibat kanser	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pengarah-kpdn-kelantan-meninggal-dunia-akibat-kanser/	RTM
8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan meninggal dunia	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/pengarah-kpdn-kelantan-meninggal-dunia/	UTUSAN
8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan meninggal dunia akibat kanser	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengarah-kpdn-kelantan-meninggal-dunia-akibat-kanser	ASTRO AWANI
8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan meninggal dunia akibat kanser	https://www.tvsarawak.my/2026/04/07/pengarah-kpdn-kelantan-meninggal-dunia-akibat-kanser/	TVS

8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan meninggal dunia	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2541814	BERNAMA
8-Apr	Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail meninggal dunia	https://www.malay.news/pengarah-kpdn-kelantan-azman-ismail-meninggal-dunia/	MALAY NEWS
8-Apr	Nasihat, amanat arwah Azman akan jadi pegangan warga KPDN Kelantan	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1342643/nasihat-amanat-arwah-azman-akan-jadi-pegangan-warga-kpdn-kelantan	HARIAN METRO
8-Apr	Jenazah Pengarah KPDN Kelantan selamat dikebumikan di Bachok	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jenazah-pengarah-kpdn-kelantan-selamat-dikebumikan-di-bachok	ASTRO AWANI
8-Apr	KPDN rampas 132,000 liter diesel di Sibu	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2026/04/06/kpdn-rampas-132000-liter-diesel-di-sibu	FREE MALAYSIA TODAY
8-Apr	Batal, gantung kad fleet SKDS dan subsidi diesel nelayan jika disalah guna	https://malaysiaga-zette.com/2026/04/06/batal-gantung-kad-fleet-skds-dan-subsidi-diesel-nelayan-jika-disalah-guna/	MALAYSIA GAZETTE
8-Apr	Ketirisan subsidi: Task force baharu digerakkan di Borneo, Labuan	https://harapandaily.com/2026/04/07/ketirisan-subsidi-task-force-baharu-digerakkan-di-borneo-labuan/	HARAPAN DAILY
8-Apr	Beaufort fuel stations under watch	https://www.dailyexpress.com.my/news/278964/beaufort-fuel-stations-under-watch/	DAILY EXPRESS
8-Apr	KPDN ambil maklum mesej tular harga LPG, panggil syarikat untuk penjelasan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-ambil-maklum-mesej-tular-harga-lpg-panggil-syarikat-untuk-penjelasan	ASTRO AWANI

8-Apr	Pelarasan harga LPG melibatkan silinder gas komersial	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/pelarasan-harga-lpg-melibatkan-silinder-gas-komersial/	RTM
8-Apr	KPDN nafi kenaikan harga LPG subsidi, syarikat akan dipanggil	https://www.malay.news/kpdn-nafi-kenaikan-harga-lpg-subsidi-syarikat-akan-dipanggil/	MALAY NEWS
8-Apr	KPDN ambil maklum mesej tular harga LPG, panggil syarikat untuk penjelasan	https://www.sinarharian.com.my/article/774771/berita/nasional/kpdn-ambil-maklum-mesej-tular-harga-lpg-panggil-syarikat-untuk-penjelasan	SINAR HARIAN
8-Apr	KPDN nafi kenaikan harga LPG subsidi	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2542279	BERNAMA
8-Apr	KPDN nafi kenaikan harga LPG subsidi, syarikat akan dipanggil	https://themalaytribune.com/kpdn-nafi-kenaikan-harga-lpg-subsidi-syarikat-akan-dipanggil	MALAY TRIBUNE
8-Apr	LPG price adjustment involves commercial cylinders	https://theedgemalaysia.com/node/798976	THE EDGE
8-Apr	LPG price adjustment involves commercial cylinders	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2542280	BERNAMA
8-Apr	KPDN nafi kenaikan harga LPG subsidi	https://www.orientaldaily.com.my/news/	ORIENTAL DAILY
8-Apr	KPDN rampas 400 liter diesel disyaki cuba diseleweng di Kudat	https://www.malay.news/kpdn-rampas-400-liter-diesel-disyaki-cuba-diseleweng-di-kudat/	MALAY NEWS
8-Apr	KPDN serbu stor, rampas 400 liter diesel di Kudat	https://sabahnewstoday.net/kpdn-serbu-stor-rampas-400-liter-diesel-di-kudat/	SABAH NEWS TODAY
8-Apr	Lelaki simpan 400 liter diesel tanpa kebenaran ditahan KPDN	https://www.sinarharian.com.my/article/774746/berita/semasa/lelaki-simpan-400-liter-diesel-tanpa-kebenaran-ditahan-kpdn	SINAR HARIAN

8-Apr	Lelaki ditahan simpan diesel tanpa kebenaran	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2542208	BERNAMA
8-Apr	KPDN rampas 400 liter diesel disyaki cuba diseleweng di Kudat	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2026/04/1342877/kpdn-rampas-400-liter-diesel-disyaki-cuba-diseleweng-di-kudat	HARIAN METRO
8-Apr	KPDN rampas 400 liter diesel disyaki cuba diseleweng di Kudat	https://themalaytribune.com/kpdn-rampas-400-liter-diesel-disyaki-cuba-diseleweng-di-kudat	THE MALAY TRIBUNE